



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 BERMULA 22 JANUARI 2021 HINGGA 4 FEBRUARI 2021 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Selaras dengan pengumuman YB. Menteri Kanan Pertahanan berkaitan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 22 Januari 2021 sehingga 4 Februari 2021 di Negeri Terengganu disebabkan peningkatan kes positif Covid-19, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan ini mengambil keputusan berhubung kebenaran aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau seperti berikut:

- a) Pelaksanaan solat Jumaat di masjid **DIBENARKAN** untuk didirikan dengan bilangan jemaah seramai empat

- puluh (40) orang dari kalangan anak mukim tidak termasuk Imam, Bilal, Ahli Jawatankuasa Masjid dan mana-mana orang yang diberi kebenaran oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan.
- b) Pelaksanaan solat fardhu secara berjemaah di masjid dan surau **DIBENARKAN** kepada **Imam, Bilal dan Ahli Jawatankuasa Masjid** sahaja dengan bilangan tidak melebihi dua belas (12) orang.
 - c) Sebarang aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan lain termasuk Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan Kuliah Dhuha adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
 - d) Jawatankuasa masjid dan surau diarahkan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dari semasa ke semasa supaya pelaksanaan solat Jumaat dan solat fardhu berjemaah dapat berjalan dengan baik.
 - e) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu hendaklah memperincikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan

Jawatankuasa masjid atau surau yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan dan arahan yang ditetapkan, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu boleh mengambil tindakan dengan menutup masjid atau surau berkenaan.

- f) Semua Pegawai Agama Daerah diarahkan untuk membuat pemantauan secara serius bagi memastikan semua masjid dan surau mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan syarat-syarat yang ditetapkan.
- g) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa yang akan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.

Baginda menyeru supaya semua rakyat jelata tidak alpa dan sentiasa berwaspada dengan peningkatan kes positif Covid-19 di Negeri Terengganu dan sama-sama memainkan peranan dengan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi dan sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri dan keluarga masing-masing.

Baginda berdoa agar wabak Covid-19 ini dapat dikawal dan rangkaian penyebaran dapat diputuskan dengan segera agar kehidupan rakyat jelata kembali seperti biasa dan berdoa semoga

rakyat jelata sentiasa berada dalam lindungan rahmat Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

20 JANUARI 2021M BERSAMAAN 7 JAMADILAKHIR 1442H